

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)	
GRED GAJI/JAWATAN	:	PANGKAT	GRED
		Laksamana Pertama Maritim	X22
		Kapten Maritim	X20
		Komander Maritim	X18
		Leftenan Komander Maritim	X16
		Leftenan Maritim	X15
		Leftenan Madya Maritim	X14
		Leftenan Muda Maritim	X13
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED X13

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: T1); atau

- (ii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X13: T2)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED X15

- (b) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains nautikal, sains samudera, pengajian kelautan (*maritime studies*), sains perikanan, alam sekitar, sains komputer, sains *remote sensing* atau geoinformatik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T1); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T2); atau

- (iv) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan laut, kejuruteraan penerbangan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik (perhubungan), kejuruteraan jentera (teknologi marin), kejuruteraan elektrik, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekatronik, kejuruteraan komputer, seni bina, ukur bahan atau ukur atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T2); atau

- (v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T3); atau

- (vi) Ahli penuh Badan-badan Iktisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T3); atau

- (vii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X15: T4).

[Senarai Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan di adalah seperti di **Rujukan X**].

- (c) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

dan (d) Lulus ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
DARIPADA PEGAWAI
LAIN-LAIN PANGKAT
PENGUAT KUASA
MARITIM**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang diberi kuasa olehnya untuk peningkatan secara lantikan ke pangkat Leftenan Muda Maritim Gred X13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas.
- (b) diperakukan layak dan sesuai oleh Pegawai Memerintahnya; dan
- (c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI
PENGUAT KUASA
MARITIM GRED
X16, X18, X20, X22
ATAU JAWATAN
DALAM KUMPULAN
PENGURUSAN
TERTINGGI**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Gred X16, X18, X20, X22 atau jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(b) dan 2 di atas; dan
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KEMAJUAN PANGKAT
KE PANGKAT
LEFTENAN MADYA
MARITIM GRED X14**

5. Leftenan Muda Maritim Gred X13 adalah layak dipertimbangkan untuk kemajuan pangkat ke pangkat Leftenan Madya Maritim Gred X14 apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan diperakukan oleh Pegawai Memerintahnya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuan, pegawai telah membuktikan kebolehan untuk maju seterusnya dalam perkhidmatannya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT LEFTENAN
MARITIM GRED X15**

6. Leftenan Madya Maritim Gred X14 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Leftenan Maritim Gred X15 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi; dan
- (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT LEFTENAN
KOMANDER MARITIM
GRED X16**

7. Leftenan Maritim Gred X15 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Leftenan Komander Maritim Gred X16 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi; dan
 - (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT KOMANDER
MARITIM GRED X18**

8. Leftenan Komander Maritim Gred X16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Komander Maritim Gred X18 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT KEPTEN
MARITIM GRED X20**

9. Komander Maritim Gred X18 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Kepten Maritim Gred X20 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT
LAKSAMANA PERTAMA
MARITIM GRED X22**

10. Kepten Maritim Gred X20 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Laksamana Pertama Maritim Gred X22 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN
PENGURUSAN TERTINGGI**

11. Laksamana Pertama Maritim Gred X22 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

SENARAI BADAN PERAKAUNAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Ahli Institut Akauntan Malaysia;
- (ii) Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia;
- (iii) Ahli The Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (iv) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Ahli The Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Ahli The Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Ahli The Australian Society of Certified Practicing Accountants;
- (viii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of New Zealand;
- (ix) Ahli The Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Ahli The Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).
- (xi) Ahli The Institute of Chartered Accountants of Scotlands; dan
- (xii) Ahli The Institute of Chartered Accountants of India.

Nota : Senarai ini berdasarkan kepada pengiktirafan dan kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI LAIN-LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PENGUATKUASAAN MARITIM	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
GRED GAJI/JAWATAN	:	PANGKAT	GRED
		Pegawai Waran I Maritim	X12
		Pegawai Waran II Maritim	X10
		Bintara Kanan Maritim	X8
		Bintara Muda Maritim	X6
		Laskar Kanan Maritim	X4
		Laskar Kelas I	X2
		Laskar Kelas II	X1
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JANUARI 2012	

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred X1: T1)
 - (b) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
 - (c) Lulus ujian yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

dan

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

**GAGAL DALAM
LATIHAN DAN
PENAMATAN LATIHAN**

**KEMAJUAN KE PANGKAT
LASKAR KELAS I MARITIM
GRED X2**

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT LASKAR
KANAN MARITIM GRED X4**

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT BINTARA
MUDA MARITIM GRED X6**

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT BINTARA
KANAN MARITIM GRED X8**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Laskar Kelas II Maritim Gred X1 dalam tempoh percubaan yang gagal dalam latihannya boleh dipertimbangkan supaya tempoh latihannya dilanjutkan atau perakuan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melantik atau pihak yang telah diberi kuasa olehnya supaya perkhidmatannya ditamatkan.
4. Laskar Kelas II Maritim Gred X1 adalah layak dipertimbangkan untuk kemajuan pangkat ke pangkat Laskar Kelas I Maritim Gred X2 apabila telah:-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (b) mendapat sokongan daripada Pegawai Memerintahnya.
5. Laskar Kelas II Maritim Gred X1 yang telah disahkan dalam perkhidmatan atau Laskar Kelas I Maritim Gred X2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Laskar Kanan Maritim Gred X4 yang kosong apabila telah:-
 - (a) lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah) atau Peperiksaan Ketukangan atau Sijil Kelautan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa Maritim;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
6. Laskar Kanan Maritim Gred X4 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Bintara Muda Maritim Gred X6 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.
7. Bintara Muda Maritim Gred X6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Bintara Kanan Maritim Gred X8 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PEGAWAI
WARAN II MARITIM
GRED X10**

8. Bintara Kanan Maritim Gred X8 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Pegawai Waran II Maritim Gred X10 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

**KENAIKAN PANGKAT
KE PANGKAT PEGAWAI
WARAN I MARITIM
GRED X12**

9. Pegawai Waran II Maritim Gred X10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Pegawai Waran I Maritim Gred X12 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

PEPERIKSAAN KHAS

10. Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah disahkan dalam perkhidmatannya dan telah melepasi program penilaian yang ditetapkan boleh mengambil Peperiksaan Khas yang disyaratkan untuk lantikan ke pangkat Leftenan Muda Maritim.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE PANGKAT
LEFTENAN MUDA
MARITIM GRED X13**

11. Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik atau mana-mana pihak yang diberi kuasa olehnya untuk peningkatan secara lantikan ke pangkat Leftenan Muda Maritim Gred X13 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.